

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

TARIKH : 1 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan yang telah digunakan di kawasan Parlimen Bakri mengikut tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017. Senaraikan setiap projek, nilai projek, kontraktor, tarikh mula kerja dan tarikh siap kerja serta yang terbengkalai.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM50.8 juta yang meliputi 11 projek pembangunan di Parlimen Bakri dari tahun 2013 hingga 2017. Daripada 11 projek ini, 8 projek telah disiapkan manakala bakinya dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.